

CNS7112

U GB 13-12 00185 BH256

BAH

KERAJAAN TIDAK PERCAYA KEMISKINAN ADALAH KERANA TAKDIR

Parlimen - Kemiskinan

KUALALUMPUR, 13 Dis; (Bernama) -- Kerajaan akan sentiasa membantu rakyat yang miskin untuk meningkatkan taraf hidup mereka kerana kerajaan tidak percaya bahawa keadaan kemiskinan mereka itu adalah kerana takdir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, untuk itu kerajaan sentiasa berusaha memberikan latihan dan pelajaran kepada golongan yang miskin supaya mereka dapat menyara hidup mereka dengan lebih terjamin.

+Setelah segala usaha dan bantuan diberikan dan mereka tetap miskin dan tidak mahu bekerja, maka barulah kita boleh katakan ini telah ditakdirkan, + katanya.

Semasa menjawab soalan tambahan Datuk Haji Abu Bakar Rautin Ibrahim (BN-Kuala Kedah) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, sebagai contoh kejadian kebakaran di sebuah asrama beberapa tahun lalu yang mengorbankan beberapa orang pelajar adalah kerana tiadanya usaha untuk membentaras kejadian itu daripada berlaku.

Keadaan ini terjadi kerana jumlah pelajar yang tinggal di asrama itu melebihi had yang dibenarkan dan mereka pula dibenarkan memasak di asrama, dan apabila kebakaran berlaku dan ramai yang mati. -- Lagi.

♥13/12/17-41MST

CNS7116

U GB 13-12 00132 BH257

BAH

Parlimen - Kemiskinan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika perhatian diberi untuk memastikan keadaan asrama itu dalam keadaan baik dan teratur, dan jika ditakdirkan berlaku kebakaran, ramai pelajar asrama itu yang boleh diselamatkan.

+Adalah tidak sesuai dengan ajaran Islam jika kita tidak membuat sesuatu tetapi menyalahkan Tuhan kerananya, kerana Islam menggalakkan umatnya agar sentiasa berusaha mengubah nasib mereka, + tambahinya.

+Kita tidak mahu berpegang kepada alasan kerana takdir sesuatu keburukan itu berlaku, tanpa berusaha memperbaikinya, + kata beliau.

Semasa menjawab soalan asal wakil yang sama Perdana Menteri berkata, setakat ini seramai 52,128 keluarga telah mendapat manfaat daripada program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Beliau menjelaskan bahawa sejumlah \$345.8 juta telah dibelanjakan daripada sumber kerajaan Pusat dan Negeri untuk program itu. -- Lagi.

♥13/12/17-43MST

CNS7118

U GB 13-12 00104 BH258

BAH

Parlimen - Kemiskinan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri menjelaskan bahawa walaupun masyarakat Orang Asli turut diliputi program ini, bantuan untuk mereka adalah berbeza kerana perlu disesuaikan dengan ciri-ciri sosio-budaya masyarakat tersebut.

Semasa menjawab soalan tambahan Encik Ahmad Nor (MAM-Bayan Baru), beliau berkata, bentuk bantuan yang diberikan di bawah program itu ialah bantuan rumah yang murah yang sesuai dengan keperluan golongan termiskin itu, disamping memberi peluang kepada mereka untuk berniaga secara kecil-kecilan dan bercucuk tanam.

Tambahnya, bantuan kerajaan di bawah program itu telah membuahkan hasil dengan meningkatnya taraf hidup kebanyakan daripada mereka. -- Bernama.

♥13/12/17-45MST